



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 21 RABU 1 SEPTEMBER, 1965 1385 رابو - 5 جمادالاول PERCHUMA

Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA SERU RA'AYAT SUPAYA MEMPELAJARI UGAMA ISLAM DENGAN BERSUNGGOH²

SERIA. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah berseru kepada Ra'ayat Negeri Brunei supaya mempelajari Ugama Islam dengan bersungguh², merasmikan pembukaan Kursus Pegawai² dan Guru² Ugama Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Setia pada petang Ahad 29 Ogos, 1965.

Ini-lah kali yang keempat kursus sa-demikian di-adakan di-negeri ini. Beratus² orang Pegawai² serta Guru² Ugama dari seluruh negara mengambil bahagian dalam kursus itu.

Kursus itu di-mulai pada hari Sabtu 28 Ogos dan akan tamat pada malam esok dengan mempersembahkan satu temasha "Malam Perpisahan".

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota juga telah menyampaikan Tauliah² kepada Kadziz dan Pegawai² Masjid di-majlis tersebut.

Sabda Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dengan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Saya bershukor kepada Tohan Rabbul-alamin yang telah mengizinkan saya dapat bersama² dengan Awang² dan Dayang² dalam majlis ini, dan pohonkan selawat dan salam kepada Saidina Mohammad s.a.w., dan kepada para sahabat dan pejuang² Islam hingga ka-akhir zaman.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang menjemput saya bagi melafadzkan ucapan dalam majlis ini dan akan merasmikan pembukaan Kursus Pegawai² dan Guru² Ugama Sa-Negeri Brunei bagi kali yang keempat serta akan menyampaikan tauliah kepada Kadziz dan Pegawai² masjid.

Saya sangat-lah berbesar hati mendengar ucapan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei yang menggambarkan serba-rengkas tugas dan pengorbanan Pegawai² dan Guru² Ugama Negeri Brunei sekarang ini. Dalam pada itu saya berharap supaya Awang² dan Dayang² sekalian lebih bergiat lagi bagi melaksanakan tugas² yang di-amanahkan oleh negara kepada Awang² dan Dayang² khas-nya bagi menyebarkan kesedaran beragama di-kalangan ra'ayat dan menanamkan rasa cinta-kan keamanan, keselamatan dan ketenteraman negeri ini.

Saya ingin mengulangi titah ka-

(Lihat muka 8)

Persediaan² Telah Pun Di-Selenggarakan Untuk Menyambut Perkahwinan Diraja

BANDAR BRUNEI. — Persediaan² telah pun di-selenggarakan untuk menyambut Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna (Puteri Sulong Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan

dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri) dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman (Putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Pengiran Isteri Pengiran Anak Puteri Besar).

Istiadat membuka Gendang Jaga-Jaga akan di-mulai pada jam 2-30 petang hari Selasa 7 September.

Istiadat Bersanding Perkahwinan Diraja akan di-langsungkan pada petang hari Rabu 19 September.

Berbagai² Istiadat dan Perayaan akan di-adakan di-Istana Darul Hana dan juga di-tempat kediaman Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Istiadat Membacha Do'a Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga Diraja akan di-langsungkan di-Balai Pemajangan Indera Kenchana, Istana Darul Hana, Brunei pada jam 2 petang hari Ahad 26 September.

D.Y.M.M. Berangkat Kembali Ka-Brunei Dari K.L.

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat kembali ka-Tanah Ayer dari Malaya dengan kapal terbang pada petang hari Isnin 30 Ogos selepas berada di-sana sa-lama hampir² sa-minggu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-Malaya pada hari Selasa 24 Ogos untuk menghadhiri upacara pembukaan rasmi Masjid Negara di-Kuala Lumpur atas

jemputan Kerajaan Malaysia.

Baginda telah di-iringi oleh beberapa orang Pegawai² Kanan Kerajaan ka-Kuala Lumpur. Di-antara-nya ia-lah Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei,

(Lihat muka 8)



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah kelihatan menyampaikan Tauliah Kadziz kepada Yang Di-muliakan Bagawan Pehin Haji Metali bin Md. Yasin di-majlis Pembukaan rasmi Kursus Pegawai² dan Guru² Ugama Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Setia pada petang hari Ahad 29 Ogos, 1965.

Seminar Pelajaran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Memperolehi Sambutan

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Seminar Pelajaran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Ahad 29 Ogos, 1965.

Kursus Pelajaran itu yang diadakan pada julong2 kali di negeri ini di-bawah anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-mulai pada hari tersebut dan akan tamat pada hari Rabu 1 September, 1965.

Ramai para jemputan telah hadir di-majlis tersebut dan begitu juga ramai ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mengambil bahagian dalam kursus pelajaran itu.

Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal melafadzkan ucapan dan seterusnya merasmikan pembukaan seminar tersebut, ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Seminar Pelajaran P.G.G.M.B., Awang Md. Husain bin Md. Yusuf; Yang Dipertua Agong P.G.G.M.B., Awang Shahbudin bin Saleh dan Pegawai Pelajaran Negara, Awang M. MacInnes.

Menteri Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, di-jangka akan menutup seminar tersebut pada petang hari ini.

Achar2 yang akan di-langsungkan di-Seminar Pelajaran itu pada hari ini ada-lah seperti berikut: —

Jam 9 pagi ka-12 tengah hari: Sidang Plino — bertempat di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei. Jam 12 tengah hari ka-2 petang: Makan Tengah Hari (bagi peserta2 yang mendaftarkan nama kerana makan dan minum sahaja) dan rehat.

Jam 2 petang ka-4 petang: Sidang Jawatan Kuasa Rumusan — bertempat di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Upacara Penutup Seminar Pelajaran: Jam 4 petang: Ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei mulai hadir.

Jam 4-15 petang: Jemputan2 Khas Hadhir: Jam 4-20 petang: Menteri Pelajaran Brunei hadir.

Ucapan2 akan di-lafadzkan oleh Pengerusi Seminar Pelajaran dan oleh Menteri Pelajaran.

Majlis itu akan di-akhiri dengan jamuan ringan sa-baik sahaja Menteri Pelajaran Brunei memberikan ucapan.

Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan: Peraduan Seni Lukis Sculpture Dan Potogerap

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Seni Lukis, Sculpture dan Potogerap kerana sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Brunei, pada tahun ini akan di-adakan pada 18 September, 1965 di-Bandar Brunei.

Dengan ini di-jemput siapa2 yang ingin mengambil bahagian, sila-lah menghantar Lukisan2, Sculpture dan Potogerap kepada Jawatan Kuasa peraduan tersebut.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada 4 Bahagian, ia-itu: —

1. BAHAGIAN ORANG2 DEWASA TERMASOK PENUNTUT MAKTAB PERGURUAN MELAYU BRUNEI.

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei:

- (i) Pensil.
- (ii) Chat Ayer.
- (iii) Chat Minyak.
- (iv) Pastel (Kapor Warna).

(b) Orang Mashor 'Am:

- (i) Pensil.
- (ii) Chat Ayer.
- (iii) Chat Minyak.
- (iv) Pastel (Kapor Warna).

(c) Poster berkenaan dengan perkembangan Negeri Brunei:

Bebas.

(d) Lukisan Angkatan Baharu (Modern Art):

Bebas.

(e) Gubahan Awan Larat (Design):

Bebas.

(f) Lukisan Benda² (Still Life).

Bebas.

(g) Ukiran Patong² (Sculpture)

Bebas.

(h) Mengubah Jembatan Bunga Hidup.

Bebas.

2. BAHAGIAH MURID2 SEKOLAH MENENGAH.

(Maktab SOAS, STPRI, Maktab AA, Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah Melayu Menengah Bawah dan Sekolah2 Menengah Misi).

(a) Pemandangan dalam Negeri Brunei.

- (i) Pensil.
- (ii) Chat Ayer.
- (iii) Chat Minyak.
- (iv) Pastel (Kapor Warna).

(b) Orang Mashor 'Am.

- (i) Pensil.
- (ii) Chat Ayer.
- (iii) Chat Minyak.
- (iv) Pastel (Kapor Warna).

(c) Poster berkenaan dengan

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 September hingga ka-hari Selasa 7 September, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1	12-25	3-42	6-31	7-43	4-42	4-57	6-14
2	12-24	3-41	6-31	7-43	4-42	4-56	6-13
3	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
4	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
5	12-23	3-40	6-29	7-41	4-41	4-56	6-13
6	12-23	3-40	6-29	7-40	4-40	4-55	6-13
7	12-23	3-39	6-29	7-40	4-40	4-55	6-13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

perkembangan Negeri Brunei.

Bebas.

(d) Lukisan Angkatan Baharu (Modern Art).

Bebas.

(e) Gubahan Awan Larat (Design).

Bebas.

(f) Lukisan Benda² (Still Life).

Bebas.

(g) Ukiran Patong² (Sculpture).

Bebas.

3. BAHAGIAH MURID2 SEKOLAH RENDAH.

(a) Pemandangan dalam negeri Brunei.

(i) Pensil.

(ii) Chat Ayer.

(iii) Kapor Warna (Pastel).

Bebas.

(b) Orang Mashor 'Am.

(i) Pensil.

(ii) Chat Ayer.

(iii) Kapor Warna (Pastel).

Bebas.

(c) Poster berkenaan dengan perkembangan Negeri Brunei.

Bebas.

(d) Gubahan Awan Larat (Design).

Bebas.

(e) Lukisan Benda² (Still Life).

Bebas.

4. BAHAGIAH POTOGERAP.

PERATURAN 'AM

1. Peserta2 hendak-lah mem-

bubuhkan nama dan alamat dengan terang di-belakang lukisan2, atau Potogerap.

2. Peserta2 hanya di-benarkan menghantar dua lukisan atau Potogerap bagi tiap2 satu bahagian.

3. Lukisan2 atau Potogerap yang di-terima, hanya-lah hasil usaha penduduk2 tempatan Negeri Brunei.

4. Lukisan2 atau Potogerap yang di-pamerkan pada tahun2 yang lepas tidak akan di-terima.

5. Kertas lukisan hendak-lah di-lekatkan di-kertas tebal (straw board) atau prim (ukoran bebas).

6. Semua lukisan2 atau Potogerap sa-kurang2-nya ada 3 keping dalam tiap2 bahagian baharu-lah di-pertandingkan.

7. Ahli2 Jawatan Kuasa Peraduan ini tidak akan bertanggung jawab jika lukisan2 atau Potogerap itu rosak atau hilang dalam perjalanan.

8. Peserta2 bebas memberi tajok lukisan-nya.

9. Pelukis2 yang akan menjual lukisan-nya hendak-lah membubuhkan harga lukisan itu.

10. Semua lukisan2 atau Potogerap hendak-lah di-hantar tidak lewat pada 15 September, 1965 kepada Setia Usaha, Peraduan Seni Lukis dan Sculpture, d/a Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei, Brunei.

PEGAWAI2 BARU PERSATUAN PELANCHONG

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Awang R. D. Ross telah di-lantek menjadi Pengerusi, Persatuan Pelanchong Negeri Brunei dalam mashuarat-nya baru2 ini.

Awang Patrick Sim Song Juay di-lantek menjadi Naib Pengerusi; Awang Peter Lee sebagai Setia Usaha dan Awang A. Tan sa-bagai Penyimpan Wang.

Orang ramai yang sudi hendak menjadi ahli persekutuan tersebut sila-lah membuat perhubungan dengan Setia Usaha, Persatuan Pelanchong Negeri Brunei, d/a Peti Surat 26, Bandar Brunei.

**Berbakti-lah Kapada
Negara Dengan
Mendokong Dasar
Kerajaan Mengutama-
kan Bahasa Melayu**

Tanggung-Jawab Pegawai² dan Guru² Ugama Dalam Bidang Menyibarkan Kesedaran Beragama Terlalu-lah Berat

— Kata Pengetua P.H.E. Ugama

SERIA. — Tanggung-jawab Pegawai² dan Guru² Ugama dalam bidang menyibarkan kesedaran beragama di-kalangan ra'ayat sekarang ini terlalu-lah berat, khas-nya di-masa negeri sedang membangun dan sedang menuju ka-arrah matalamat yang di-chita2kan oleh sa-tiap manusia yang sedar, sesuai dengan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bahawa Baginda ingin memberi peluang yang sa-luas2-nya kepada ra'ayat Baginda bagi mentadbirkan negara ini sa-chara beransor². Demikian kata Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin.

Uchapan beliau tersebut telah di-sampaikan oleh Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pegawai² dan Guru² Ugama Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Ahad 29 Ogos, 1965.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin telah tidak dapat hadir di-majlis pembukaan rasmi Kursus tersebut oleh kerana pada hari itu beliau berada di-luar negeri.

Uchapan beliau seterusnya ada-lah seperti berikut:

Saya bershukor kepada Tuhan Rabbul-alamin yang melimpahkan rahmat-nya kepada kita, dan selawat serta salam kepada Junjongan kita Muhammad s.a.w., serta sahabat2-nya dan pejuang2 Islam hingga ka-akhir zaman.

Hari ini ia-lah hari pembukaan rasmi kursus Pegawai² dan Guru² Ugama sa-negeri Brunei bagi kali yang ke-empat. Saya bagi pihak pegawai² dan Guru² ugama sa-negeri Brunei menyebarkan dan melepaskan ucapan sa-tinggi2 terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota yang dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan kursus kali yang ke-empat ini, dan menyampai-kan tauliah2 kepada Kadhi2 dan Pegawai² masjid. Ini ada-lah satu sejarah bagi kursus pegawai² dan guru² ugama yang mana pembukaannya akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Sebagaimana yang di-ma'alomkan bahawa kursus ini di-adakan ia-lah bagi mengulang-kaji tugas2 dan pekerjaan pegawai² dan guru² ugama, di-samping menambahkan Ilmu Pengetahuan mereka untuk lebih pesat lagi menyebarkan ajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Tanggung-jawab Pegawai² dan Guru² Ugama dalam bidang menyibarkan kesedaran beragama di-kalangan ra'ayat sekarang ini terlalu-lah berat, khas-nya di-masa negeri kita sedang membangun, dan sedang menuju kearah matalamat yang di-chita2kan oleh sa-tiap manusia yang sedar, sesuai-lah dengan titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda ingin memberi peluang yang sa-luas2-nya kepada ra'ayat Baginda bagi mentadbirkan Negara ini.

Tanggung-jawab yang di-pikul oleh mereka itu tidak-lah sa-timpal dengan keadaan dan persediaan yang ada pada diri mereka, ini bukan-lah satu kesalahan kepada diri mereka sendiri, kerana bak kata pepatah "Tiada rutan akar pun berguna". Tetapi bagi menjunjong titah dan menjunjong

arahan yang di-berikan kepada mereka, maka mereka terpaksa-lah melipat-gandakan tenaga mereka bagi menyempurnakan segala tugas2 yang mereka pikol itu.

Saya selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sangat-lah berbesar hati melihat usaha dan tenaga yang mereka churahkan kepada tanah ayer kita ini, khas-nya semangat berkorban yang tertanam di-jiwa mereka dengan tidak mengira penat dan lelah, dan untuk menjunjong keridhaan Tohan, umpama-nya sa-tengah2 Masjid Kampong mengalmi ketiadaan Imam, maka Guru² Ugama bangun dan bertugas mengambil alih tanggung-jawab itu dengan tidak mendapat apa2 bayaran. Semangat yang seperti ini-lah sangat membesarkan hati saya.

Dalam pada itu Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak-lah berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan2 yang telah di-dapati selama ini, bahkan Pejabat ini sentiasa memikirkan dan menyusun rancangan2 bagi memper-kuatkan gerakan-nya untuk menyebarkan kesedaran beragama di-kalangan ra'ayat, dan memberikan pengetahuan yang sadalam2-nya apabila masa dan keadaan mengizinkan.

Apa yang saya harapkan kepada Pegawai² dan Guru² Ugama yang ada dalam dewan ini, ia-lah supaya menyuburkan semangat berkorban yang ada di-jiwa Awang2 dan Dayang2 itu, dan buktikan-lah dengan amalan bahawa Ugama Islam ia-lah Ugama yang suci, Ugama yang sen-

tiasa menyuroh berbuat kebaikan, dan tanamkan-lah semangat bekerja-sama, semangat chintakan ka-amanan dan ketenteraman di-kalangan ra'ayat, kerana dengan tidak ada keamanan, dengan tidak ada ketenteraman di-negara ini segala rancangan yang di-atorkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia tidak akan berhasil dengan baik, dan ini tentu-lah merugikan kita semua.

Akhir-nya sekali lagi saya mengucapkan setinggi2 ribuan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota yang sudi berangkat kamajlis ini dan dengan sukachita-nya akan merasmikan pembukaan kursus ini, moga2 Tohan memberkati kursus pegawai² dan Guru² Ugama kali yang ke-empat ini — Amin.

Malam
Aneka Warna
P. M. K. T.

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong telah mempersembahkan satu temasha Malam Aneka Warna bertempat di-Dewan persatuan itu pada malam 29 Ogos dengan memperolehi kejayaan.

Temasha Malam Aneka Warna itu telah di-adakan sa-bagai mengambil sempena temasha Perlumbaan Berjalan Kaki kali ke-2 yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam pada pagi hari tersebut.

Pancharagam Gema Senandung Orkest telah menghiburkan hati para penonton di-temasha Malam Aneka Warna itu.

Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait Akan Membena Menara2 Jam Sa-Bagai Kenangan Perkahwinan Di-Raja

SERIA. — Sa-buah Menara Jam akan di-bena di-Kuala Belait dan sa-buah lagi Menara Jam itu akan di-bena di-Seria oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait sa-bagai kenangan2 Ahli Majlis Mashuarat Diraja.

Pembinaan Menara2 Jam tersebut akan memakan perbelanjaan kira2 \$30,000 dan pekerjaan bagi membena menara2 itu akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Perkara tersebut telah di-umumkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Pembinaan Menara2 Jam itu, Awang Malai Haji Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid di-temasha Puspa Ragam yang telah di-persembahkan oleh Sri Arjuna Bangsawan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Ahad 22 Ogos, 1965.

Kutipan2 wang yang di-perolehi di-temasha itu telah di-

dermakan oleh bangsawan tersebut kepada Tabong Derma Pembinaan Menara Jam yang terma'alom.

Yang Berhormat Chegu Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, selaku Setia Usaha Pembinaan Menara2 Jam itu dan Awang Malai Mashhor, dalam ucapan beliau2 itu, telah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada bangsawan itu yang telah bekerjasama untuk membantu Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait menambahkan kutipan wang untuk pembinaan Menara2 Jam tersebut.



Yang Dipertua Klab Rotary Brunei, Doktor J. S. Gould kelihatan menziarahi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sa-lepas beliau menyebarkan sa-buah Chenderamata bagi pihak Klab Rotary Brunei kepada Pengantin Di-Raja. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ia-lah juga Penaong, Klab Rotary Brunei. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan dari Pegawai2 Klab Rotary Brunei.

Makan Tahun Bagi Puak Kedayan

Sa-bagaimana yang telah banyak di-saksikan bahawa temasha "Makan Tahun" di-adakan hanya di-kampung2 darat sahaja. Kalau puak "Iban" terkenal dengan "Gawai"-nya, maka puak Kedayan juga termashor dengan temasha tahunan-nya yang dinamakan "Makan Tahun".

Makan tahun ini di-sifatkan sa-bagai adat kebudayaan yang berchorak ke-Islaman yang telah di-warisi atau di-turunkan oleh ninik moyang puak Kedayan dan di-amalkan sejak beratus2 tahun dahulu.

Makan tahun ini juga ada-lah merupakan satu temasha keramaian yang tidak boleh di-pisahkan di-kalangan Puak Kedayan sa-hingga menjadi amalan mereka pada tiap2 tahun, terutama sa-kali sa-lepas menuai padi ia-itu dari bulan Februari hingga akhir bulan Ogos.

TUJUAN

Tujuan makan tahun itu di-adakan ia-lah untuk memperingati akan roh atau aruah ninik moyang, saudara mara, anak isteri dan sahabat handai yang telah pergi ka-alam baka' (meninggal dunia).

Dengan itu terukir-lah satu kesimpulan sa-bagai tanda kaseh, penghormatan dan untuk menaborkan amal jariah kepada roh si-mati dengan tidak menyalahi Ugama Islam.

Sa-lain dari itu, makan tahun juga mendorong supaya penduduk2 di-satu-satu mukim itu bersatu padu, gotong royong dan bersafahaman baik di-kalangan penduduk sendiri dan mahupun di-antara anak buah (orang2 kampung) dengan ketua atau penghulu.

Dari sini-lah bangkit-nya kesedaran untuk kemajuan dan hormat menghormati di-antara penduduk2 kampung. Makan tahun juga besar pengertian-nya kepada penduduk2 di-sa-satu mukim kerana bukan sahaja untuk menaborkan amal jariah malahan juga untuk menghilangkan segala kekusutan, duka lara dan lagi menghilangkan segala kepayahan yang di-deritai oleh mereka sa-telah mengerah dan menggembeling tenaga serta mendedah badan di-tengah2 ladang dengan tidak mengira hujan dan panas.

Mengenai chara2 Puak Kedayan mengadakan makan tahun ini pada keseluruhan-nya ada-lah sama belaka di-antara satu kampung dengan kampung yang lain.

Sa-belum mengadakan makan tahun tersebut, Ketua Kampung, Penghulu atau siapa saja yang di-fikirkan layak sa-bagai ketua, mengumpulkan anak buah-nya dan mengadakan perjumpaan yang bertujuan untuk merundingkan bagi mengadakan makan tahun tersebut.

Sa-telah kata sa-pakat di-perolehi, maka berkira2-lah mereka bagi mengator bagaimana chara2 yang mudah bagi melaksanakan-nya.

CHARA LAMA

Dulu-nya, chara mereka mengadakan perjumpaan ini hanya untuk berunding sahaja, tetapi di-zaman kemajuan ini mereka mengadakan "mashuarat" sa-chara moden dengan melantek Pengerusi, Setia Usaha dan Jawatankuasa2 yang lain. Tetapi ada sa-tengah2 kampung masih lagi mengikut chara2 lama.

Di-mana2 jua urusan keramaian atau temasha makan tahun, kewangan ada-lah satu faktor utama dan sangat penting, tetapi dengan terdapat-nya kerjasama dan sefahaman antara penduduk2 kampung, maka usaha bagi mengadakan temasha Makan Tahun ini ada-lah berjalan dengan lancar-nya.

Penduduk2 kampung yang menyer-tai makan tahun ini masing2 meng-

Sa-Telah Mengetam Padi

TEMASHA "MAKAN TAHUN" ada-lah tidak asing lagi bagi penduduk2 kita di-sini, kerana temasha itu lazim-nya di-adakan pada tiap2 tahun ia-itu sa-telah pesawah2 selesai mengetam padi.

Sungguh pun bagitu, tidak ramai bilangan-nya yang tahu mengapa dan kenapa "MAKAN TAHUN" itu di-adakan dan apakah sangkut paut-nya dengan keperchayaan turun temurun puak Kedayan yang mengadakan temasha itu.

Untuk mengenal lebih dekat lagi mengenai "MAKAN TAHUN" ini, maka kita siarkan sa-buah renchana mengenai-nya yang di-tulis oleh Haji Ahim bin Haji Ibrahim dari Kampung Kupang, Batu 15 Jalan Tutong.

Kita mengucapkan terima kaseh kepada beliau dan kita mengharapakan supaya banyak lagi renchana2 yang berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan akan dapat di-kirim oleh pembaca2 yang lain.

hulorkan derma dari \$5.00 hingga \$20.00 bagi satu keluarga. Wang tersebut hanya-lah di-gunakan untuk membeli daging, sayor, rempah ratus, kopi, gula dan sa-bagai-nya. Soal beras pula tidak-lah menjadi kesulitan, kerana anak2 kampung masing2 membawa sa-gantang dua bagi tiap2 keluarga.

Mengenai kewangan itu, kutipan2 biasa-nya di-perolehi tidak kurang dari \$400.00 hingga \$2,000.00 sa-kiranya ramai anak2 kampung yang menyertai temasha itu.

Sa-telah soal2 tersebut selesai, maka persiapan2 untuk mengadakan-nya pun di-ator termasuk mendirikan sa-buah "teratak" (gerai) yang berbentuk panjang bagi menempatkan tetamu yang akan hadir. Biasa-nya teratak yang panjang itu di-dirikan hanya menggunakan atap dan lantai sahaja, sementara dinding-nya pula sengahja di-tiadakan dan bagi usaha2 mendirikan-nya ada-lah atas tenaga gotong royong. Teratak ini selalu-nya di-dirikan berdekatan dengan sungai atau perigi kerana untuk menyenangkan bagi menchuchi pinggan dan mangkok.

"MENGELOUPIS"

Sa-lagi teratak tersebut masih boleh di-gunakan, maka sa-lagi itu makan tahun di-adakan di-sana juga, dan kalau di-dapati kerosakan akan segera di-perbaiki.

Makan tahun biasa-nya di-adakan pada hari2 selepas biasa (Ahad dan Juma'at) dan selalu-nya temasha ini berjalan sa-lama 2 atau 3 hari lamanya. Tetapi kelaziman-nya di-adakan sa-lama dua hari sahaja. Pada hari pertama ia-lah hari mengelupis ia-itu membungkus nasi lemak untuk di-buat "kelupis" ia-itu sa-jenis kueh. Chara membuat kelupis ini pada mula-nya di-dadeh atau sa-paroh masak yang di-champur dengan santan kelapa kemudian di-bungkus dengan daun "NIRIK". Daun nirik ia-lah sa-jenis daun yang tumbuh-nya di-hutan yang biasa-nya di-gunakan untuk pembungkus kueh dan istimewa sa-kali buat pembungkus kelupis. Kerja mendedeh dan "menjalin" di-buat oleh kaum lelaki sementara membungkus pula di-usahakan oleh kaum perempuan.

Sa-masa kerja2 ini di-buat, pemuda pemudi-nya tidak pun berasa leteh atau jemu, kerana di-waktu itu di-selangi dengan gelak ketawa dan kata2 jolokan yang menggelikan hati. Kerja2 ini membawa dari pagi hingga ka-petang.

Tiap2 makan tahun, tidak seronok kalau tidak ada menyembeleh "Kerbau". Di-mana jua pesta makan tahun di-adakan tidak kurang sa-ekor kerbau atau dua akan menjadi korban.

Ini ada-lah bergantung kepada banyak-nya wang di-dapati dari kutipan anak2 kampung. Kalau banyak wang kutipan, maka berekor2 kerbau akan di-sembeleh dan ramai pula panggilan akan di-jemput.

Sa-telah kerja mengelupis dan membungkus selesai, maka pada malam-nya pula di-adakan keramaian seperti gendang Melayu (bermukun) dan di-selangi dengan permainan gembus, zapin, lawak jenaka dan lain2-nya. Namun demikian, oleh sebab temadun dunia ada juga sa-tengah2 kampung meraikan temasha makan tahun dengan menjemput para pemain Pencharagam sambil mengadakan nyanyian2, tari2an dan sa-bagai-nya. Temasha malam ini biasa-nya di-kekelolakan oleh pemuda pemudi dengan sa-chara suka-rela, sama ada tenaga maupun kewangan. Temasha ini kadang2 berjalan sa-hingga pagi dan tujuan temasha itu di-adakan ada-lah untuk jadi "jagaan" bagi me-

nunggu kelupis dan daging siap di-masak.

Di-masa gendang Melayu itu di-adakan, ada-lah merupakan peluang ke-emasan bagi teruna dan dara untuk bertemu mata dan pandangan yang mungkin akan mengikat perkenalan yang suci yang akan membawa mereka ka-gerbang perkahwinan.

Selesai sudah acara malam-nya, maka sampai-lah pula ka-achara siang-nya ia-itu temasha makan tahun yang sa-benar-nya.

Biasa-nya tetamu yang datang lebih ramai dari jemputan2 kahwin di-kampung2 dan tetamu2 tersebut datang-nya dari penduduk2 kampung yang berdekatan dan chara mereka menjemput tidak-lah menggunakan surat jemputan, tetapi sa-chara mulut ka-mulut. Mereka yang di-jemput itu tidak di-hadkan ramai-nya.

BEKAL

Sering kali terdapat juga tetamu yang tidak di-undang ikut serta ka-temasha itu, terutama sa-kali kawan, sahabat atau kenalan. Perkara ini tidak-lah menjadi gangguan bahkan tetamu tersebut di-alu2kan seperti juga tetamu yang telah di-undang.

Pada hari makan tahun itu-lah anak2 kampung sebok dengan urusan masing2. Pemudi2-nya sebok menyediaan nasi, lauk dan sayor sementara pemuda2-nya pula mengangkat dan mengator makanan kepada tetamu. Sa-telah makanan sedia di-hidangkan, maka bacaan do'a selamat di-sampaikan oleh Pa'Bilal atau Pa'Imam atau Guru Ugama sa-bagai tanda keshukoran.

Sa-telah do'a selamat di-bacakan, maka tetamu di-jemput makan sa-kadar yang terhidang dan sa-belum tetamu bersurai tiap2 sa-orang dari mereka sama ada besar, kecil, tua dan muda di-bekalkan dengan sa-bungkus kelupis untuk di-bawa ka-rumah masing2. Maka selesai-lah sudah temasha tahunan yang dinamakan "Makan Tahun".

HOKI PIALA WERNHAM:

K.B.R.C. Mengalahkan Panaga Klab

SERIA. — Pasokan Kuala Belait Recreation Klab telah berjaya mengalahkan Pasokan Penaga Klab dengan tiga gol tidak berbalas dalam perlawanan hoki peringkat akhir bagi merebutkan piala Wernham yang telah di-langsungkan di-Padang Penaga petang hari Ahad yang lalu.

Gol2 yang di-perolehi oleh pasokan K.B.R.C. itu telah di-jaringan oleh Junaidi Hamdan satu gol pada pusingan pertama dan dua gol lagi di-jaringan oleh Ak. Azahari dalam pusingan yang kedua.

Piala tersebut telah di-sampaikan oleh Pengiran Besar bin Pengiran Haji Wahab, Naib Pengerusi Persatuan Hoki Negeri Brunei kepada Kasim Abdullah Penolong Ketua Pasokan KBRC.

Di-sepanjang perlawanan itu, kedua2 pasokan telah bermain dengan chergas, tetapi kubu perlawanan Pasokan Penaga kerap kali mendapat serangan dan penjaga gol Penaga tidak berjaya mempertahankan diri.

Walaupun bagitu, pasokan Penaga telah memperlihatkan permainan yang chantek dan menarek dan bagitu juga pasokan K.B.R.C. telah menunjokkan satu permainan yang chergas dan membuat serangan2 yang menarek.

Sa-belum piala Wernham ini bertukar tangan kepada pasokan K.B.R.C., ia-nya telah di-pegang oleh Pasokan Klab Melayu Shell. Setia sa-lama tiga tahun berturut2 ia-itu sejak tahun 1962 hingga 1964.

Piala tersebut di-pertandingkan untuk rebutan oleh pasokan2 hoki di-negeri ini sa-chara pusingan.

KAPAL PEMBERSEH PERIOK API MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kapal Pemberseh Periok Api, H.M.S. Kilderton dari Angkatan Laut Diraja British akan melawat Brunei untuk sementara waktu dalam minggu ini.

Kapal itu akan berlaboh di-Tambatan Kastam Diraja Brunei dan akan terbuka kepada orang ramai untuk melawat-nya hari Juma'at 3 September mulai dari pukul 2 petang ka-pukul 5 petang.

PERJALANAN KA-JEDDAH MEMBAWA PER-DAMAIAAN DI-YEMEN

PEMIMPIN Republik Arab Bersatu Presiden Gamal Abdul Nasser kian lama telah berusaha untuk menamatkan api perang saudara yang menumpahkan darah sa-lama tiga tahun, di-negeri Yemen.

Walau pun usaha Gamal Abdul Nasser yang meliputi berbagai chorak antara-nya mengadakan mashuarat, mashuarat di-antara gulongan yang terlibat; persidangan menerusi pehak yang ke-tiga dan penempatan 50,000 orang bala tentera Mesir di-negeri Yemen, untuk mematahkan kaum pemberontak, namun semua-nya tidak mendatangkan kesan yang baik, dalam lain2 perkataan tidak asing dari menemui jalan buntu.

Tetapi ini bukan-lah bererti tidak ada lain jalan, untuk menyelesaikan masalah rumit yang di-hadapi oleh Yemen sendiri. Republik Arab Bersatu dan Arab Saud. Satu daripada jalan, yang akhir-nya membawa kepada perdamaian Yemen ia-lah lawatan peribadi Gamal Abdul Nasser sendiri ke-Jeddah baharu2 ini, untuk bersemuka dengan pemimpin Arab Saud Malik Feisal.

Pertemuan antara kedua2 orang pemimpin itu, telah membuka sejarah baharu di-Timor Tengah, sejarah yang menamatkan perang saudara di-negeri Yemen sa-lama tiga tahun, antara gulongan yang menyokong kepada Imam Albadr dengan pehak kerajaan republik Yemen.

Mengapa pula soal Yemen yang sepatutnya di-selesaikan oleh ra'ayat bumi putera-nya sendiri itu, di-ambil tahu oleh Republik Arab Bersatu dan Arab Saud? Ini ada-lah terbit dari kedudukan Yemen sa-bagai sa-buah republik, yang menjadi anggota dalam Republik Arab Bersatu dan pehak pemberontak pimpinan Imam Albadr yang mendapat bantuan dari Arab Saud.

Oleh kedua2 buah kuasa yang memberikan bantuan kepada gulongan yang bertentangan di-Yemen itu, maka Republik Arab Bersatu dan Arab Saud jelas di-

terima sa-bagai kerajaan2 yang boleh mengatasi masalah kegeng-tingan di-negeri Yemen.

Dalam perjuangan di-Yemen, Mesir terpaksa membelanjakan sekurang2-nya sejuta ringgit dalam sa-hari, sementara korban di-kedua2 belah pehak sukar pula hendak di-anggarkan sa-lama ini.

Menurut perjanjian, tembak menembak tidak akan berlaku lagi yang bererti satu gencatan senjata telah di-kuat kuasakan. Perjanjian itu juga menetapkan, bahawa bala tentera Mesir akan di-undurkan dari negeri Yemen dalam tempoh sepuluh bulan, mulai 23 haribulan November. Dalam keadaan yang ada sekarang, Mesir sudah pun mengundurkan bala tentera-nya dari kawasan sempadan.

Dengan perjanjian itu juga, kedua2 belah pehak Republik Arab Bersatu dan Arab Saud terpaksa menamatkan

oleh

HANAFI JOFFRI

bantuan-nya kepada mana2 pehak yang bertentangan, sementara sa-buah surohannya perdamaian yang mengandungi perwakilan dari kedua2 belah pehak di-bentok, untuk mengawasi gencatan senjata.

Dalam hal yang sedemikian, kedua2 buah kerajaan itu sekarang memberikan kerjasama bagi mengukuhkan kedudukan di-negeri Yemen, sa-hingga satu pemungutan suara di-adakan, sa-lewat2-nya pada 23 haribulan November.

Bagaimana pun jika timbul kesulitan2 satu perhubungan sa-chara langsung akan di-lakukan antara Gamal Abdul Nasser dengan Malik Feisal.

Perang saudara yang sengit di-Yemen telah meletus awal dalam bulan September tahun 1962, apabila Abdullah Al-Sallal, yang menjadi ketua pengawal di-raja memimpin pemberontakkan, yang menggulingkan pemerintahan Imam, sa-telah sebelas abad berkuasa.

Imam Mohammad Albadr yang memerintah kurang dari sa-minggu sa-telah ayah-nya mangkat, terpaksa keluar meninggalkan bandar, membawa orang2 pelarian yang ta'at kepada beliau ka-kawasan pergunungan di-sebelah Timur Laut negeri Yemen.

Sa-telah beberapa waktu, Republik Arab Bersatu terus menyokong gulongan republikan yang memerintah, dengan menghantarkan bala tentera dan senjata untuk berjuang meng-

hanchorkan gulongan di-raja, yang mendapat bantuan dari Arab Saud.

Sa-lama dua tahun bertempur, yang mengakibatkan kedua2 belah pehak menerima kemalangan berat, kedua2-nya juga tidak berjaya untuk menghanchorkan antara satu dengan lain.

Beberapa usaha perdamaian, antara-nya oleh Pertubuhan Bangsa2 Bersatu telah di-buat, tetapi semua-nya gagal. Dalam bulan November tahun 1964, kedua2 belah pehak telah membuat pertemuan di-Erkowit dalam negeri Sudan, dan persetujuan di-chapai untuk mengadakan gencatan senjata, sa-belum sidang perdamaian yang lengkap, di-adakan di-Yemen.

Tetapi tidak satu pun sidang perdamaian mengambil tempat, yang menyebabkan kedua2 belah pehak menerima kechaman dari luar.

Kemudian dalam bulan Desember tahun 1964, sekumpulan pemimpin2 terkemuka republikan, termasuk Ahmad Mohammed Noman telah meletakkan jawatan dari kerajaan kerana membantah terhadap sikap Abdullah Al-Sallal memimpin persidangan.

Dalam bulan Januari tahun 1965, Perdana Menteri Hamud Al Gayefi telah meletakkan jawatan, dan sa-buah kerajaan baharu pimpinan General Hassal Al-Amri telah di-bentok.

Namun semua perkembangan itu, pertemporan sengit terus berjalan an-

tara pehak kerajaan dengan gulongan yang menyokong Imam Albadr, sa-hingga bulan April yang lalu, apabila Presiden Al-Sallal meminta Ahmad Mohammed Noman membentuk sa-buah kerajaan.

Sekarang di-ketahui bahawa perjanjian perdamaian telah di-chapai di-Jeddah antara Gamal Abdul Nasser dengan Malik Feisal. Menurut sa-tengah2 kalangan, perjanjian yang di-chapai itu merupakan satu chara tolak ansor baharu bagi Gamal Abdul Nasser, yang sedia meluchutkan usaha memberikan gelaran Republik of Yemen kepada Yemen, untuk Negara Islam Yemen.


Walaupun perjanjian telah di-chapai, tetapi kesulitan yang di-hadapi oleh Gamal Abdul Nasser ia-lah tentang ketetapan yang di-buat-nya, bahawa Imam Albadr dan keluarga-nya di-pechat, untuk mempercepatkan usaha perdamaian di-kalangan yang bertentangan di-Yemen.

Tetapi ada-kah gulongan di-raja dapat menerima keputusan Gamal Abdul Nasser, walau pun mereka mungkin setuju mengubah Yemen pemerintahan Imam itu, menjadi sa-buah Negara Islam Yemen yang tulin, tanpa kuasa politik sa-masa pemerintahan peralehan, yang ada sekarang ini.

Oleh hal yang demikian, molek-lah kita sama2 mengikut perkembangan baharu, sa-lepas perutusan Gamal Abdul Nasser yang membuahkan kesan2 yang baik kerana perdamaian di-negeri Yemen, baharu2 ini.



Pasokan K.B.R.C, telah mengalahkan Pasokan Penaga Klab dengan tiga gol tidak berbalas dalam Perlawanan akhir hoki untuk merebutkan Piala rebutan Wernham. Dalam gambar ini kelihatan Naib Pengerusi Persatuan Hoki Negeri Brunei, Pengiran Besar menyampaikan Piala Wernham itu kepada Ketua Pasokan K.B.R.C. Kasim Abdullah.



Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Pancharagam Pulis Brunei dan Pancharagam Tentera Gurkha telah mengambil bahagian di-temasha "Tattoo" di-Gelanggang Sokan Seria baru2 ini. Ini-lah satu pemandangan pada masa pancharagam2 tersebut mengadakan persembahan bersama di-temasha "Tattoo" itu.

TAWARAN - TAWARAN

MENYIAPKAN STESHEN BOMBA LAUT DI-SUNGAI LAMPAL

BRUNEI.

1. Tawaran akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada kontraktor2 kelas "C" dan ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 6hb. September, 1965 bagi:

MENYIAPKAN STESHEN BOMBA LAUT DI-SUNGAI LAMPAL, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-waktu masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENYIAPKAN STESHEN BOMBA LAUT DI-SUNGAI LAMPAL,

MEMBENA RUMAH JURURAWAT BAGI RUMAH SAKIT BRUNEI

1. Tawaran akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada kontraktor2 kelas "C" dan ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 6hb. September, 1965 bagi:

MEMBINA SA-BUAH RUMAH JURURAWAT BAGI RUMAH SAKIT, BRUNEI, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Pelan2 dan butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan kadalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (Sa-ratus ringgit sahaja) chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontraktor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontraktor itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

MEMBINA SA-BUAH RUMAH JURURAWAT BAGI RUMAH SAKIT, BRUNEI, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$250.00 (Dua ratus lima puluh ringgit sahaja). Chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya dengan kembalikan lukisan2 kepada Jabatan Kerja Raya, Brunei selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Kontraktor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontraktor itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Mengchat Sekolah Melayu Dan Dua Buah Rumah Di-Dato Gandi

1. Tawaran akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei daripada kontraktor2 kelas "B" dan ke-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 4-00 petang pada hari Ithnin 6hb. September, 1965 bagi:

MENGCHAT SEKOLAH MELAYU TERMASOK DAPOR DAN DUA BUAH RUMAH KELAS "F" DI-DATO' GANDI, BRUNEI.

2. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

3. Butir2 kenyataan boleh di-lihat dan segala butir2 lain boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Jabatan Kerja Raya, Brunei semasa masa kerja.

4. Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

5. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran, di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei.

6. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya:

MENGCHAT SEKOLAH MELAYU TERMASOK DAPOR DAN DUA BUAH RUMAH KELAS "F" DI-DATO' GANDI, BRUNEI.

7. Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

8. Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100.00 (Sa-ratus ringgit sahaja) chengkeram ini boleh di-kembalikan kepada penawar2

yang tidak berjaya selepas keputusan-nya di-ketahui. Wang chengkeram akan hilang jika penawar yang berjaya menolak tawaran tersebut.

9. Tawaran2 mesti-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang terchetak yang boleh di-perolehi dari Jabatan Jurutera Negara, Brunei dengan membayar chengkeram tawaran itu.

10. Tawaran2 yang di-buat di-atas borang2 yang tidak betul akan di-tolak.

11. Kontraktor yang berjaya hendak-lah membayar kepada Kerajaan pengakuan Bank sebanyak 5% dari harga tawaran-nya. Jika ini tidak boleh di-adakan, wang tunai atau jaminan yang boleh di-perchayai yang tidak kurang daripada 5% harga kontraktor itu mesti-lah di-bayar.

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

JAWATAN KOSONG PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan II di-Pejabat Daerah, Tutong.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 tahun dan tidak lebeh dari 40 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan.
- Pemohon2 yang tahu membaiki kerosakan2 kereta atau jentera kereta akan di-beri keutamaan.

Tugas2:

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu Land Rover dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.5-6 = \$180x4 - 200.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 13 September, 1965.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 3 September, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:—

Mulai pada pukul 2 petang ka-pukul 4 petang di-Kampung Bakut Pengira Si-Raja Muda "A" Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan, ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suci.

Perlumbaan Jalan Kaki P.M.K.T.

Persatuan Melayu Keriam, Tutong telah mengadakan perlumbaan jalan kaki pada 29 Ogos yang baru lalu. Dalam perlumbaan itu telah di-ambil bahagian oleh 127 orang peserta yang terdiri dari persatuan2 di-daerah Tutong, persaorangan dan kanak2 lelaki dan perempuan.

Pasokan Melayu Keriam telah berjaya menjadi johan apabila sa-orang dari ahli2-nya, Jait bin Hitam telah berjaya mendapati tempat pertama dengan menchipta masa 1 jam 53 minit dan 50 sa'at. Dengan kemenangan itu Jait juga menjadi johan dalam bahagian persaorangan dewasa.

Perlumbaan bahagian tersebut ada-lah sa-jauh 10 batu.

Ak. Sidek bin Pengiran Ahmad dari Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei telah berjaya menjadi johan dalam bahagian kanak2 laki2 dengan masa-nya 2 jam tepat. Perlumbaan bahagian ini ia-lah sa-jauh 10 batu.

Bahagian peringkat 'A' kanak2 perempuan pula, johan telah di-menangi oleh Dk. Zauyah bte. Pengiran Juba dari Sekolah Melayu Sengkurong dengan berjalan 5 batu dan menchipta masa 61 minit 27 sa'at. Dalam peringkat 'B' pula telah di-menangi oleh Aminah bte. Haji Damit, juga dari sekolah yang sama dengan menchipta masa yang sama.

Gambar atas: Yang Berhormat, Penolong Menteri Kebajikan dan Pos, Pengiran Haji Yusuf bin Pengiran Md. Limbang kelihatan menyampaikan piala kejohanan kepada Awang Jait.

Gambar bawah: Dayangku Zauyah (memakai nombor 1) kelihatan jauh meninggalkan kawan2-nya sa-telah berjalan kira2 3 batu.



Malam Amal I.B.B.B. Mendapat Sambutan

BERAKAS — Penolong Menteri Pertanian Brunei, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, selaku Penaong, temasha Malam Amal Ikatan Belia Berakas Brunei telah merasmikan temasha Malam Amal I.B.B.B. pada malam Ahad yang lalu.

Temasha tersebut telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas dengan mendapat sambutan dari kalangan penduduk2 Kampong Berakas dan juga dari lain2 tempat.

Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, dalam ucapan beliau di-majlis tersebut telah mengucapkan tahniah kepada Jawatan Kuasa temasha tersebut dan juga ahli2 Ikatan Belia Berakas Brunei yang telah bekerja dengan sa-sunggoh2-nya bagi melaksanakan temasha itu.

Sa-bagai Penaong temasha itu, beliau telah mengucapkan terima kasih kepada para penonton yang telah hadir di-temasha tersebut dan menderma wang ringgit mereka untuk Tabong Kewangan persatuan tersebut.

Pengerusi Malam Amal Ikatan Belia Berakas Brunei, Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Othman telah juga melafadzkan satu ucapan di-majlis tersebut.

Selain dari mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh yang telah sudi hadir di-majlis tersebut untuk merasmikan pembukaan temasha Malam Amal itu, beliau juga telah mengucapkan terima kasih atas sokongan para dermawan dan kerjasama penduduk2 Kampong Berakas untuk melaksanakan temasha tersebut.

Berbagai2 achara yang meriah telah di-persembahkan di-temasha tersebut ia-itu mengandongi Tablo, Pantimon, Nyanyian, Tarian, Lawak Jenaka dan lain2-nya.

Pancharagam Empat Serangkai, di-bawah pimpinan A. B. Ismail telah bermain di-temasha tersebut.

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Kelab untuk Jurugambar2 telah di-tubuhkan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei baru2 ini.

Kelab itu di-pimpin oleh Chegus John Stevens, telah mendapat sambutan yang baik dari penuntut2 maktab tersebut yang chenderong dalam ilmu penggambaran.

Kelab itu di-pimpin oleh Chegus John Stevens, telah mendapat sambutan yang baik dari penuntut2 maktab tersebut yang chenderong dalam ilmu penggambaran.

Pertunjukan Barisan Askar Dan Pulis Di-Waktu Malam

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah mempersembahkan Pertunjukan Barisan Askar dan Pulis di-Gelanggang Sokan, Seria pada malam Ahad dan Isnin yang lalu.

Pasokan2 Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Brunei dan Pasokan Gurkha serta Pancharagam ketiga2 pasokan itu telah mengambil bahagian.

Hasil dari kutipan wang yang di-perolehi di-temasha tersebut telah di-dermakan kepada Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait.

Majlis Perkhidmatan Masharakat itu ada-lah menghargai tenaga yang telah di-sumbangkan oleh Pasokan2 yang mengambil bahagian di-temasha tersebut dan juga mengucapkan tahniah kepada pasokan2 itu terhadap tenaga mereka.

Derma bakti yang telah di-sumbangkan oleh para dermawan ada-lah menjadi suatu ingatan yang akan di-kenangkan oleh penduduk2 Daerah Belait pada sa-panjang masa. Demikian kata Naib Pengerusi, Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait, Malai Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid.

KELAB PENGAMBARAN DI-TUBOHHKAN

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Kelab untuk Jurugambar2 telah di-tubuhkan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei baru2 ini.

Kelab itu di-pimpin oleh Chegus John Stevens, telah mendapat sambutan yang baik dari penuntut2 maktab tersebut yang chenderong dalam ilmu penggambaran.

Guru2 Baru S.T.P.R.I. Dan Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Guru dari Perkhidmatan Sukarela Seberang Laut telah tiba di-Brunei baru2 ini untuk mengajar di-Sekolah Inggeris di-Brunei, selama satu tahun.

Guru2 itu ia-lah Dayang N. Ruth Thornton, B.A. dan Awang Peter E. Croucher, B.A. (Honours).

Dayang Thornton, berumur 21 tahun akan mengajar di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei. Ia telah memperolehi Ijazah B.A. dari Queen Universiti, Belfast dan ada-lah sa-orang pakar dalam Bahasa Jerman dan Tawarikh.

Awang Croucher, berumur 22 tahun akan mengajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ia telah memperolehi Ijazah B.A. (Honours) dari Jesus Kolej, Cambridge dan ada-lah sa-orang pakar dalam Ilmu Hisab serta Physik.

Sabda Duli Pengiran Muda Mahkota

(Dari muka 1)

bawah Duli Paduka ayahanda saya sa-masa membuka kursus di-tahun lepas di-mana Baginda berpesan supaya Awang2 dan Dayang2 memimpin ra'ayat negeri ini ka-arrah yang di-redzai Allah serta menanamkan semangat bekerjasama di-kalangan ra'ayat dan berusaha supaya dapat memelihara keamanan dan keselamatan negeri Brunei ini.

Awang2 dan Dayang2 telah ma'alum betapa penting-nya keamanan dan keselamatan negeri kita, dan saya sendiri percaya bahawa Pegawai2 dan Guru2 U gama yang sentiasa berada di-tengah2 masyarakat, yang sentiasa berdampingan dengan anak buah-nya di-kampung2 akan dapat memainkan peranan yang chergas bagi menanamkan semangat kerjasama, semangat chintakan keamanan dan ketenteraman, ini ia-lah amanah saya kepada Pegawai2 dan Guru2 U gama yang sentiasa di-segani dan di-hormati oleh masyarakat sekeliling-nya.

Akhir-nya saya berseru kepada ra'ayat negeri Brunei ini supaya mempelajari U gama Islam dengan bersungguh2, dan saya berseru kepada Awang2 dan Dayang2, Pegawai dan Guru2 U gama supaya memberikan pengajaran dan pendidekan yang di-redzai Tohan kepada ra'ayat negeri Brunei ini.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang saya dengan suka-chita-nya merasmikan Pembukaan Kursus kali yang keempat bagi Pegawai2 dan Guru2 U gama Sa-negeri Brunei Tahun Hijrah 1385 dengan mengucap Bismillah Hirrahma Nirrahim. Terima kasih."



Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalakkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan 1 gol tidak berbalas dalam perlawanan hoki peringkat akhir antara Sekolah2 Melayu dan Maktab2 yang di-langsungkan di-Padang Besar Brunei pada hari khamis yang lalu. Gambar di-atas, Ketua Pasokan M.P.M.B., Zainal Husain kelihatan menerima perisai rebutan bagi perlawanan tersebut dari Penolong Menteri Pelajaran Yang Berhormat Orang Kaya Pekerna Dewa Awang Lukan.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH BRUNEI: 1 USUL DI-LULUSKAN

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Daerah Brunei telah meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dalam persidangan-nya di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Isnin 30 Ogos.

Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI — Timbalan Menteri Besar Brunei merangkap Menteri Pertanian Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud akan merasmikan Pertunjukan Pertanian Sa-Negeri Brunei kali yang ke-17 pada pagi hari Juma'at 3 September, 1965 di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Barang2 pertunjukan itu akan di-hakimkan mulai pada jam 8 pagi hingga ka-jam 10 pagi dan sa-tengah jam kemudian akan di-adakan majlis pembukaan rasmi pertunjukan itu.

Pertunjukan itu kemudian-nya akan di-buka kepada orang ramai hingga jam 5 30 petang.

Usul itu berbunyi bahawa majlis itu mempersetujui menasehatkan Kerajaan untuk membesar dan mendalamkan parit2 pembuang ayer dan meluruskan Sungai Pulaie yang berkeadaan bengkok bengkok di-Kampung Anggerek Desa, Brunei.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah memimpin majlis mashuarat itu.

Majlis itu di-mulai dengan bacaan Do'a Selamat. Kemudian sa-orang Ahli yang di-lantek oleh Kerajaan, Awang Othman Chua Kwang Soon telah mengangkat sumpah.

Istiadat Dan Perayaan Sambutan Perkahwinan Diraja

(Dari muka 1)

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaludin dan lain2-nya.

Di-antara-nya yang telah menyambut Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Lapangan Terbang Berakas pada masa Baginda kembali ka-Tanah Ayer ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun.

LUMBA PERAHU SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI — Satu temasha Lumba Perahu dan Motor Sangkut akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 26 September, 1965 sa-bagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Semua-nya 13 jenis perlumbaan akan di-adakan di-temasha tersebut.

Borang2 permohonan mengambil bahagian dalam perlumbaan itu boleh-lah di-dapati dari Setia Usaha perlumbaan itu Awang Hassan Haji Yusof di-Jabatan Laut Negara Brunei.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan kepada beliau dengan seberapa segera dan tidak lewat dari hari Khamis 9 September.

Askar Melayu Brunei telah turut mengambil bahagian dalam pertunjukan 'Tato' yang di-adakan dua malam berturut2 ia-itu 28 dan 29 Ogos yang lalu di-Gelanggang Sokan, Seria. Antara pertunjukan mereka yang menarik perhatian ia-lah perlawanan 'meriam katak' (gambar Kiri) dan lakonan pedek 'Si-Bandang' mengenai cherita pemulahan keamanan sa-buah kampung yang ri-serang oleh penganas2 komunis.

